



PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR SIRI KE EMPAT TAHUN 2010

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Peperiksaan Radio Amatur (RAE) siri ke empat bagi tahun 2010 sebagai memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut.

Nombor Siri Peperiksaan	Tarikh dan Masa Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan (Wilayah)
RAE 2010-4	22 Dis 2010 Jam 2:00 Ptg	29 Okt 2010 Jam 5:00 Ptg	Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak

Kelayakan bagi menduduki peperiksaan ini adalah seperti berikut:

- Telah berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan dilangsungkan; dan
- Warganegara Malaysia (Bagi bukan warganegara, sila rujuk mana-mana pejabat SKMM untuk pengesahan kelayakan).

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat-pejabat SKMM dan laman web rasmi SKMM di www.skmm.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta bayarannya dan satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Paspot) hendaklah dihantar ke pejabat wilayah SKMM yang sepadan menurut pusat peperiksaan yang dipilih seperti di bawah.

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM bagi penghantaran borang permohonan	Nombor untuk dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Jalan Bagan Luar 12000 Butterworth Pulau Pinang	Tel: 04- 323 8228 Faks: 04 - 323 9448
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9 40100 Shah Alam Selangor	Tel: 03 - 5518 7706 Faks: 03 - 5518 7710
SELATAN	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Selatan Suite 7A, Aras 7, Menara Ansar Jalan Trus 80000 Johor Bharu Johor	Tel: 07 - 226 4700 Faks: 07 - 227 8700

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM bagi penghantaran borang permohonan	Nombor untuk dihubungi
TIMUR	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Timur B8004, Tingkat 1, Sri Kuantan Square Jalan Telok Sisek 25000 Kuantan Pahang	Tel: 09 – 515 0078 Faks: 09 – 515 7566
SABAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sabah 6-10-10, Tingkat 10, No. 6, Menara MAA Lorong Api-Api 1, Api-Api Centre 88000 Kota Kinabalu Sabah	Tel: 088 – 270 550 Faks: 088 – 253 205
SARAWAK	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sarawak Aras 5 (Utara), Wisma STA 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim 93450 Kuching Sarawak	Tel: 082 – 346 500 Faks: 082 – 331 901

Sila tulis “**RAE 2010-4**” di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00)** dan perlu dijelaskan melalui **Kiriman / Wang Pos Malaysia atau Deraf Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama “**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**” dan dikepilkan bersama borang permohonannya. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah calon adalah terhad. Keutamaan akan diberi kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi SKMM dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari peperiksaan dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah (03-8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.

Alamat Ibu pejabat SKMM adalah:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan